

Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2025

'Bertugas penuh tekun, ikhlas'

Usaha berterusan pastikan aspirasi jadikan Malaysia negara maju, berdaya saing dapat direalisasikan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Mahani Ishak
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengajak warga pekerja negara ini memberi tumpuan terhadap tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh ketekunan serta keikhlasan, selaras peranan penting mereka sebagai pemangkin utama kemajuan Malaysia.

Perdana Menteri menegaskan, walaupun negara mencatat pelbagai kejayaan dalam aspek pertumbuhan ekonomi, pelaburan dan pembangunan sektor pekerjaan, masih wujud kelompangan serta kelemahan yang perlu diberi perhatian untuk penambahbaikan.

Katanya, usaha berterusan semua pihak amat penting bagi memastikan aspirasi menjadikan Malaysia sebagai negara maju dan berdaya saing dapat direalisasikan secara menyeluruh.

"Negara ini masih berdepan pelbagai cabaran. Hari-hari kita dihadapkan isu besar seperti krisis di Palestin dan ketidakstabilan global, termasuk tindakan sesuka hati kuasa besar seperti Amerika Syarikat (AS).

"Namun, kita tetap mampu malar jika semua bekerja dengan tekun, ikhlas dan penuh iltizam. Tidak kira sektor mana, pekerja yang berpegang kepada nilai keikhlasan dan kepercayaan kepada negara pasti menyumbang

kepada pembentukan negara hebat," katanya dalam amanat khas sempena sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2025 di sini, semalam.

Yang turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof; Menteri Sumber Manusia, Steven Sim serta Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Pada majlis itu, Anwar turut menyampaikan anugerah khas Hari Pekerja 2025 kepada 13 penerima termasuk individu, syarikat, kesatuan serta badan bukan kerajaan (NGO).

Semua penerima masing-masing menerima hadiah wang tunai RM10,000 serta sijil penghargaan.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, tanggungjawab mengangkat produktiviti dan daya saing ini, tidak hanya diletak dibahu mereka yang berpangkat tinggi, sebaliknya semua pekerja di pelbagai peringkat.

"Setiap individu yang bekerja, sama ada di kilang, jabatan kerajaan, klinik, sekolah, balai polis atau mana-mana sektor, memainkan peranan penting dalam menggerakkan perubahan dan mencatat kejayaan negara.

Beri gaji berrmaruah

Lantaran itu, Anwar mengingatkan majikan di negara ini untuk tidak menindas pekerja, sebaliknya memberikan mereka gaji yang berrmaruah.

"Seruan saya kepada pekerja, percayalah saudara tahu perkembangan negara ini mempunyai sejarah baik dan sejarah lemah, ada sejarah gemilang, ada sejarah rompak. Kita pilih yang mana?"

"Kita pilih gemilang, kita pilih hentikan amalan tinas pekerja, tamak haloba, naik gaji pekerja RM40 pun susah, ini apa jenis manusia (majikan). Tidak mudah nak dapat seorang Perdana Men-



Anwar bersama Ahmad Zahid, Fadillah, Sim dan Shamsul Azri (kanan) melancarkan Kad Pekerja MADANI dan aplikasi Future Job pada Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2025 di Axiata Arena, Bukit Jalil, semalam.

(Foto Aizuddin Saad/BH)

teri yang menyuarakan begitu.

"Saya juga mahu syarikat yang ada untung lebih baik, menyumbang kepada cukai. Jangan untung sendirian, untung itu kerana tukang cuci, juruteknik, untung itu kerana pekerja di bawah ini. Jadi, bagilah (juga faedah) yang munasabah kepada mereka," katanya.

Bagi kerajaan, Anwar yang juga Menteri Kewangan, berkata selain pengenalan gaji minimum yang sudah dinaikkan kepada RM1,700 sebulan, Dasar Gaji Progresif juga dilaksana untuk menyokong syarikat meningkatkan kadar, upah pekerjanya.

"Kita (kerajaan) sudah mula dengan urusan tadbir urus, tatakelola yang baik, elak curi wang negara, elak jadi ruang mereka yang baru jadi menteri, tapi miliki kekayaan berlipat ganda," katanya.

Anwar turut mengingatkan pekerja supaya tidak membenarkan unsur perpecahan yang berpunca daripada perbezaan kaum dan fahaman politik terus menghantui negara ini, seterusnya

menghalang kepada produktiviti dan perkhidmatan.

"Saya dan kerajaan komited untuk membela nasib semua pekerja walaupun majoritinya dalam kalangan orang Melayu, nasib anak-anak Cina, India, Dayak dan Kadazan-Dusun juga tidak boleh dipinggirkan. Jangan hanya santuni golongan atasan, tetapi wajib kepada semua pekerja pelbagai peringkat.

"Hari-hari kita membaca berita mengenai perselisihan antara kaum, ini tidak akan membawa kita ke mana. Sebaliknya, kefahaman, perpaduan dan semangat kebersamaan antara rakyat pelbagai kaum adalah kunci untuk membawa negara ke arah kemajuan yang lebih besar," katanya.

Dalam amanatnya, Perdana Menteri turut mengumumkan, kira-kira sejuta ahli kesatuan pekerja negara ini, bakal menikmati diskaun sehingga 30 peratus daripada lebih 100 syarikat yang menawarkan barang keperluan dan perkhidmatan menerusi inisiatif Kad Pekerja MADANI.

Anwar berkata, inisiatif itu dilaksanakan oleh Kerajaan MADANI sebagai tanda penghargaan kepada golongan pekerja yang sentiasa gigih melaksanakan tugas dan amanah.

"Kad Pekerja MADANI ini memberi peluang kepada ahli kesatuan yang memilikinya untuk menikmati diskaun bagi pelbagai kemudahan," katanya.

Antara syarikat yang terbabit dalam menawarkan akses diskaun itu termasuk AEON, Mydin, Jakel, Marrybrown, Genting, Old Town White Coffee, Zuss Coffee, SOCAR dan Bateriku.

Kad Pekerja MADANI diperkenalkan Kementerian Sumber Manusia (KSM) sebagai medium penyampaian faedah bersasar melalui pendekatan kerjasama strategik di antara kerajaan dan sektor swasta.

Pekerja yang ingin mendaftar serta mendapatkan manfaat kemudahan disediakan, boleh melayari <https://kadpekerjamadani.mohr.gov.my/member/register>.